



30 April 2014
30 April 2014
P.U. (A) 121

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

KAEDAH-KAEDAH TENAGA BOLEH BAHARU (MENDAPATKAN WANG OLEH PEMEGANG LESEN PENGAGIHAN) (PINDAAN) 2014

RENEWABLE ENERGY (RECOVERY OF MONEYS BY DISTRIBUTION LICENSEE) (AMENDMENT) RULES 2014



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA TENAGA BOLEH BAHARU 2011

KAEDAH-KAEDAH TENAGA BOLEH BAHARU (MENDAPATKAN WANG OLEH PEMEGANG LESEN PENGAGIHAN) (PINDAAN) 2014

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 19 dan perenggan 61(e) Akta Tenaga Boleh Baharu 2011 [*Akta 725*], Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari Malaysia membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Tenaga Boleh Baharu (Mendapatkan Wang oleh Pemegang Lesen Pengagihan) (Pindaan) 2014**.

(2) Kaedah-Kaedah ini mula berkuat kuasa pada 1 Mei 2014.

Pindaan kaedah 2

2. Kaedah-Kaedah Tenaga Boleh Baharu (Mendapatkan Wang oleh Pemegang Lesen Pengagihan) 2011 [*P.U. (A) 388/2011*], yang disebut “Kaedah-Kaedah ibu” dalam Kaedah-Kaedah ini, dipinda dalam subkaedah 2(1) dengan memasukkan selepas perkataan “mengemukakan suatu tuntutan bertulis kepada Pihak Berkuasa” perkataan “mengikut apa-apa cara yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa”.

Penggantian kaedah 11

3. Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan menggantikan kaedah 11 dengan kaedah yang berikut:

“Kos pembekalan

11. (1) Tertakluk kepada subkaedah (2), kos pembekalan berkenaan dengan setiap pemasangan tenaga boleh baharu adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual.

(2) Berikutan daripada tiap-tiap semakan semula tarif yang dikenakan oleh seseorang pemegang lesen pengagihan di bawah subseksyen 26(1) Akta Bekalan Elektrik 1990 [*Akta 447*] selepas tarikh permulaan kuat kuasa Kaedah-Kaedah ini, nilai kos pembekalan yang dinyatakan dalam Jadual hendaklah disemak oleh Pihak Berkuasa, dengan persetujuan Suruhanjaya, bagi menunjukkan perubahan dalam tarif yang disebabkan oleh perubahan dalam kos bahan api dan pengendalian pemegang lesen pengagihan.”.

Jadual baru

4. Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan memasukkan selepas kaedah 11 Jadual yang berikut:

“JADUAL

(Kaedah 11)

KOS PEMBEKALAN

	(1)	(2)
<i>Butiran</i>	<i>Butir-butir</i>	<i>Ringgit bagi setiap kilowatt jam</i>
1.	Kos pembekalan di Semenanjung Malaysia—	
	(a) dikenakan dengan suatu pemasangan tenaga boleh baharu yang disambungkan kepada suatu talian bekalan pada voltan yang melebihi 50,000 volt sehingga dan termasuklah 230,000 volt arus ulang-alik	Tiada
	(b) dikenakan dengan suatu pemasangan tenaga boleh baharu yang disambungkan kepada suatu talian bekalan pada voltan yang melebihi 1,000 volt sehingga dan termasuklah 50,000 volt arus ulang-alik	0.2380